

TERMA DAN SYARAT
KEMPEN 'iRakyat : Kita Jaga Kita'

1. Kempen

- 1.1. Kempen ini dianjurkan oleh Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat) yang dirujuk sebagai "**Penganjur**".
- 1.2. Kempen ini terbuka kepada semua pengguna iRakyat (selepas ini dikenali sebagai "**Peserta**") kecuali warga kerja Bahagian Saluran Penghantaran, Bank Rakyat.
- 1.3. Kempen ini berlangsung dalam tempoh yang dinyatakan di bawah (selepas ini dikenali sebagai "**Tempoh Kempen**"): -

Tempoh Kempen	Tarikh
Pertama	05 Mei 2020 – 31 Mei 2020
Kedua	01 Jun 2020 – 30 Jun 2020
Ketiga	01 Julai 2020 – 31 Julai 2020

- 1.4. Penganjur berhak untuk meminda Terma dan Syarat Kempen atau menukar jangka masa Tempoh Kempen dan/atau tarikh bermulanya atau berakhirnya Tempoh Kempen tanpa sebarang notis awal kepada Peserta. Peserta adalah dianggap bersetuju untuk terikat dengan sebarang pindaan tersebut.

2. Kriteria Kelayakan

- 2.1. Peserta wajib mendaftar irakyat dan DuitNow bagi layak menyertai kempen ini.
- 2.2. Peserta perlu melakukan transaksi salah satu atau kesemua perkhidmatan berikut di iRakyat:
 - JomPAY
 - FPX
 - Tambah Nilai Prabayar (Prepaid Reload)

3. Hadiah Kempen

3.1 Hadiah kempen akan diberikan secara bulanan sebagaimana berikut:

Tempat Pertama	: RM1,300	x 1 Pemenang
Tempat Kedua	: RM1,000	x 1 Pemenang
Tempat Ketiga	: RM700	x 1 Pemenang
Hadiah Saguhati	: RM 200	x 20 Pemenang
<hr/>		
Jumlah Hadiah Bulanan	: RM7,000	
<hr/>		
Jumlah Hadiah Keseluruhan	: RM21,000	

4. Mekanisme Kempen

- 4.1. Peserta perlu melaksanakan transaksi JomPAY, FPX atau Tambah Nilai Prabayar dalam jumlah berikut:
 - i. Amaun Minimum : RM10
 - ii. Jumlah transaksi minimum : 3
- 4.2. Setiap transaksi yang menepati kelayakan di atas akan diberikan 1 **Mata Kelayakan**.
- 4.3. Setiap pendaftaran baru DuitNow yang dilakukan sepanjang Tempoh Kempen akan diberikan 1 **Mata Kelayakan Tambahan** khas.
- 4.4. Pengguna iRakyat yang baru mendaftar sepanjang Tempoh Kempen akan diberikan 3 **Mata Kelayakan Tambahan** khas berdasarkan bulan iRakyat didaftarkan.

Contohnya:

Nama Peserta : En. X
Bulan iRakyat didaftarkan : Mei 2020
Bulan DuitNow didaftarkan : Mei 2020
Kiraan Mata Kelayakan :

Bulan	Mata Tambahan		Transaksi & Mata Asas			Jumlah Mata Kelayakan
	Daftar iRakyat	Daftar DuitNow	JomPay	FPX	Tambah Nilai Prabayar	
Mei	3	1	1	1	1	7
Jun	0	0	1	2	1	4
Julai	0	0	0	5	0	5

- 4.5. Pemenang akan dipilih berdasarkan Peserta yang memiliki jumlah Mata Kelayakan terkumpul yang tertinggi dalam setiap tempoh kempen.
- 4.6. Peserta yang terpilih sebagai pemenang dalam bulan yang terlibat masih layak untuk menyertai dan memenangi hadiah kempen bagi bulan berikutnya.
- 4.7. Jumlah pemenang adalah 23 orang sebulan. Jumlah keseluruhan pemenang adalah 69 bagi keseluruhan 3 bulan.
- 4.8. Pemenang akan dimaklumkan pada bulan berikutnya dalam Tempoh Kempen menerusi sebarang medium yang dirasakan sesuai oleh Bank Rakyat berdasarkan maklumat yang terdapat di dalam pengkalan data bank.
- 4.9. Pemilihan pemenang adalah mengikut budi bicara Penganjur. Keputusan Penganjur mengenai semua perkara berkaitan dengan Kempen adalah muktamad dan mengikat dan konklusif. Sebarang surat-menyurat, bantahan atau cubaan untuk mempertikaikan keputusan berkenaan tidak akan dilayan.
- 4.10. Hadiah akan dikreditkan ke dalam akaun pemenang di Bank Rakyat selepas nama Pemenang diumumkan.
- 4.11. Bank Rakyat berhak untuk menggantikan hadiah sedia ada dengan hadiah lain yang setimpal (sekiranya perlu).

5. Lain-Lain

5.1 Dengan menyertai Kempen ini, Peserta hendaklah: -

5.1.1. Tertakluk kepada terma dan syarat penggunaan sedia ada perbankan internet (iRakyat). Sila layari URL berikut untuk maklumat lanjut:

<https://www2.irakyat.com.my/personal/welcome/welcome.do?termsConditions=>

5.1.2. Bersetuju bahawa Peserta telah membaca, memahami dan dengan ini secara nyata bersetuju untuk mematuhi Terma dan Syarat ini.

5.1.3. Peserta bersetuju dan membenarkan data peribadi mereka dikumpulkan, diproses dan digunakan oleh Bank Rakyat mengikut Notis Privasi Bank Rakyat, yang boleh dilihat di www.bankrakyat.com.my

5.1.4. Peserta dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat rasmi yang terkandung di sini, termasuk keputusan yang dibuat oleh Bank Rakyat yang dianggap muktamad, terikat dan menyeluruh.

5.1.5. Bank Rakyat mempunyai hak eksklusif untuk mencetak dan menyiarkan nama dan gambar Peserta untuk tujuan promosi di dalam akhbar, majalah, laman sesawang korporat Bank Rakyat, atau mana-mana saluran yang ditentukan sesuai oleh Bank Rakyat.

5.1.6. Bank Rakyat atau pekerja dan wakilnya (termasuk mana-mana pihak yang dilantik oleh Bank Rakyat untuk memberi perkhidmatan tertentu berkaitan kempen ini) tidak akan bertanggungjawab, secara langsung atau tidak terhadap sebarang kehilangan, kerugian atau kemungkiran yang dialami oleh Peserta, disebabkan oleh penyertaan mereka dalam kempen ini atau daripada sebarang tindakan di pihak Bank Rakyat.

5.1.7. Peserta bersetuju dan membenarkan Bank Rakyat untuk mendedahkan maklumat Peserta kepada mana-mana wakil yang dilantik oleh Bank Rakyat untuk tujuan Kempen ini.

5.1.8. Bank Rakyat tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kelewatan, kehilangan, kekurangan, makluman atau apa-apa koresponden sama ada melalui e-mel, surat atau mana-mana medium komunikasi.

5.1.9. Bank Rakyat tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kemungkinan yang disebabkan bencana alam, peperangan, rusuhan, perintah berkurung, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik, pandemik, kegagalan sistem atau apa-apa situasi di luar kemampuan Bank Rakyat.

5.1.10. PENAFIAN: TERTAKLUK KEPADA APA YANG DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG, BANK RAKYAT TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB KEPADA PESERTA UNTUK KEROSAKAN LANGSUNG, TIDAK LANGSUNG, KHAS, SAMPINGAN, GANTI RUGI

TAULADAN ATAU AKIBAT KEROSAKAN (TERMASUK KEHILANGAN PENGGUNAAN, DATA, PERNIAGAAN ATAU KEUNTUNGAN) YANG TIMBUL DARIPADA ATAU BERKAITAN DENGAN PENYERTAAN PESERTA DALAM KEMPEN INI, SAMA ADA LIABILITI TERSEBUT BERLAKU BERPUNCA DARIPADA APA-APA TUNTUTAN BERASASKAN KEPADA KONTRAK, JAMINAN, TORT (TERMASUK KECUAIAN), LIABILITI KETAT ATAU SEBALIKNYA, DAN SAMA ADA PESERTA TELAH DINASIHATKAN ATAU TIDAK KEMUNGKINAN KERUGIAN ATAU KEROSAKAN BOLEH BERLAKU.

- 5.1.11. Melainkan diperuntukkan secara khusus atau sebaliknya, Bank Rakyat mempunyai hak dan budi bicara secara mutlak untuk meminda, membatalkan atau menambah mana-mana terma dan syarat ini dari semasa ke semasa. Peserta adalah dianggap bersetuju untuk terikat dengan sebarang pindaan, pemotongan atau penambahan tersebut.
- 5.1.12. Terma dan Syarat ini terikat dengan ditafsir mengikut undang-undang Malaysia.
- 5.1.13. Untuk maklumat dan pertanyaan lanjut, sila hubungi Pusat Panggilan Bank Rakyat di talian 1-300-80-5454.